

BAB 5 : PASARAN

5.1 Konsep pasaran

- keadaan di mana penjual dan pembeli bertemu untuk menentukan harga dan kuantiti sesuatu barang atau faktor pengeluaran yang diurusniagakan secara langsung dan tidak langsung
- terdapat dua pihak yang mempunyai matlamat yang berbeza iaitu :-
 - (a) *Penjual* : ingin tawarkan barang pada harga tertinggi untuk mencapai keuntungan yang maksimum
 - (b) *Pembeli* : ingin membeli barang yang ditawarkan pada harga yang terendah untuk mencapai kepuasan yang maksimum
- interaksi antara kuasa permintaan dan kuasa penawaran dalam suatu pasaran akan menyebabkan perubahan harga dan harga terakhir merupakan harga yang dipersetujui bersama
- sesuatu pasaran akan wujud jika memenuhi syarat-syarat berikut :-
 - (i) terdapat barang untuk diurus niagakan
 - (ii) terdapat penjual dan pembeli yang bertemu secara langsung dan tidak langsung
 - (iii) terdapat harga barang yang dipersetujui oleh penjual dan pembeli untuk menentukan kuantiti barang yg akan diurusniagakan

5.2 Pasaran Barangan

- pasaran yang menjual dan membeli barang dan perkhidmatan
- interaksi antara kuasa permintaan dan kuasa penawaran melalui mekanisme harga akan tentukan tingkat harga dan kuantiti barang yang dipersetujui oleh pembeli dan penjual

Permintaan Pasaran

Permintaan Individu

- permintaan seorang pengguna sahaja

Permintaan Pasaran

- jumlah kuantiti barang tertentu yang diminta oleh semua pengguna dalam sesuatu pasaran pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

Jadual Permintaan Pasaran

- menunjukkan hubungan antara harga dan kuantiti sesuatu barang yang diminta oleh semua pengguna dalam pasaran tertentu

Harga(RM)	Kuantiti Diminta(kg)		
	Rokiah	Zalina	Pasaran
8	2	2	4
6	4	3	7
4	6	4	10
2	8	5	13


Jadual Permintaan Pasaran Tomato

Kuantiti Permintaan Pasaran

- diperolehi dengan mencampurkan kauntiti permintaan bagi semua pengguna dalam pasaran pada suatu tingkat harga pasaran

Keluk Permintaan Pasaran

- menunjukkan hubungan antara harga dan kuantiti permintaan pasaran terhadap barang tertentu



Huraian Pembentukan Keluk Permintaan Pasaran

- Pada harga RM8 kuantiti tomato yang diminta oleh Rokiah 2kg, Zalina 2kg dan kuantiti permintaan pasaran ialah 4kg ditunjukkan pada titik **e**.
- Pada harga RM6 kuantiti tomato yang diminta oleh Rokiah 4kg, Zalina 3kg dan kuantiti permintaan pasaran ialah 7kg ditunjukkan pada titik **f**.
- Pada harga RM4 kuantiti tomato yang diminta oleh Rokiah 6kg, Zalina 4kg dan kuantiti permintaan pasaran ialah 10kg ditunjukkan pada titik **g**.
- Pada harga RM2 kuantiti tomato yang diminta oleh Rokiah 8kg, Zalina 5kg dan kuantiti permintaan pasaran ialah 13kg ditunjukkan pada titik **h**.
- Apabila titik-titik e, f, g dan h disambungkan maka terbentuklah keluk permintaan pasaran
- Keluk permintaan pasaran mencerun ke **bawah** dari kiri ke kanan
- Wujud hubungan yang songsang/negatif di antara harga dengan kuantiti diminta

Penawaran Pasaran

Penawaran Individu

- kuantiti sesuatu barang yang sanggup ditawarkan oleh sesebuah firma pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

Penawaran Pasaran

- jumlah kuantiti barang tertentu yang sanggup ditawarkan oleh semua firma dalam pasaran pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

Jadual Penawaran pasaran

- menunjukkan hubungan antara harga dan kuantiti barang tertentu yang ditawarkan oleh semua firma dalam suatu pasaran tertentu


Harga(RM)	Kuantiti Ditawarkan(botol)		
	Firma X	Firma Y	Pasaran
4	5	8	13
3	4	6	10
2	3	4	7
1	2	2	4

Kuantiti Penawaran Pasaran

- dikira dengan mencampurkan kuantiti penawaran semua firma dalam pasaran pada suatu tingkat harga pasaran

Keluk Penawaran Pasaran

- menunjukkan jumlah kuantiti sesuatu barang yang ditawarkan oleh semua firma pada satu tingkat harga tertentu



Huraian Pembentukan Keluk Penawaran Pasaran

- Pada harga RM4 kuantiti sos tomato yang ditawarkan oleh Firma X ialah 5 botol, Firma Y 8 botol dan penawaran pasaran 13 botol ditunjukkan pada titik **a**.
- Pada harga RM3 kuantiti sos tomato yang ditawarkan oleh Firma X ialah 4 botol, Firma Y 6 botol dan penawaran pasaran 10 botol ditunjukkan pada titik **b**.
- Pada harga RM2 kuantiti sos tomato yang ditawarkan oleh Firma X ialah 3 botol, Firma Y 4 botol dan penawaran pasaran 7 botol ditunjukkan pada titik **c**.
- Pada harga RM1 kuantiti sos tomato yang ditawarkan oleh Firma X ialah 2 botol, Firma Y 2 botol dan penawaran pasaran 4 botol ditunjukkan pada titik **d**.
- Apabila titik-titik a, b, c dan d disambungkan maka terbentuklah keluk penawaran pasaran
- Keluk penawaran pasaran mencerun ke atas dari kiri ke kanan
- Wujud hubungan yang langsung/positif antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan

Keseimbangan Pasaran


Maksud Keseimbangan Pasaran

- keadaan apabila kuantiti penawaran pasaran sama dengan kuantiti permintaan pasaran pada suatu tingkat harga yang dipersetujui oleh para penjual dan para pembeli

Jadual Keseimbangan Pasaran

Harga(RM)	Kuantiti Diminta (Pasang)	Kuantiti Ditawar (pasang)
100	20	60
80	30	50
60	40	40
40	50	30
20	60	20

Keluk Keseimbangan Pasaran



Huraian Keluk Keseimbangan Pasaran

- ◆ Pada harga RM60 kuantiti diminta sama dengan kuantiti ditawarkan iaitu 40 pasang ditunjukkan di titik E. Berlaku keseimbangan pasaran. Keluk permintaan bersilang dengan keluk penawaran. Harga stabil/tetap.
- ◆ Pada harga RM100 kuantiti diminta 20 pasang dan kuantiti ditawarkan 60 pasang. Maka berlaku lebih penawaran sebanyak 40 pasang(60 – 20). Harga cenderung turun ke E.
- ◆ Pada harga RM40 kuantiti diminta 50 pasang dan kuantiti ditawarkan 30 pasang. Maka berlaku lebih permintaan sebanyak 20 pasang(50 – 30). Harga cenderung naik ke E.

Ketidakseimbangan Pasaran

- apabila kuantiti permintaan pasaran tidak sama dengan kuantiti penawaran pasaran pada tingkat harga tertentu
- wujudlah dua keadaan ketidakseimbangan iaitu :-
 - (a) Lebih Penawaran
 - lebih kuantiti penawaran pasaran berbanding dengan kuantiti permintaan pasaran pada tingkat harga pasaran tertentu
 - ini menyebabkan ada sebilangan penjual tidak dapat menghabiskan jualan keluaran mereka
 - (b) Lebih Permintaan
 - lebih kuantiti permintaan pasaran berbanding dengan kuantiti penawaran pasaran pada tingkat harga pasaran tertentu
 - ini menyebabkan terdapat sebilangan pengguna yang berkemampuan tidak dapat membeli barang itu.

5.3 Pasaran Faktor

Maksud Pasaran Faktor

- pasaran yang menjalankan kegiatan urus niaga faktor-faktor pengeluaran
- jenis-jenis pasaran faktor ialah :-
 - (a) Pasaran buruh
 - (b) Pasaran modal
 - (c) Pasaran tanah

Pasaran Buruh


- sektor isi rumah tawarkan faktor buruh untuk dapatkan ganjaran upah
- manakala sektor firma meminta faktor buruh untuk keluarkan b+p

Permintaan buruh

- jumlah buruh yang sanggup diambil oleh firma untuk bekerja pada suatu tingkat kadar upah dalam tempoh masa tertentu

Kadar upah sehari (RM)	Kuantiti Buruh Diminta
100	10
80	20
60	30
40	40
20	50

- Peningkatan kadar upah akan mengurangkan kuantiti permintaan buruh
- Penurunan kadar upah akan meningkatkan kuantiti permintaan buruh




Keluk Permintaan Buruh

Penawaran Buruh

- jumlah buruh yang sanggup bekerja pada suatu tingkat upah dalam tempoh masa tertentu

Kadar upah sehari (RM)	Kuantiti Buruh Ditawarkan
100	50
80	40
60	30
40	20
20	10

- Peningkatan kadar upah akan meningkatkan kuantiti penawaran buruh
- Penurunan kadar upah akan mengurangkan kuantiti penawaran buruh




Keluk Penawaran Buruh

Keseimbangan Pasaran Buruh

- keadaan apabila jumlah buruh yang diminta sama dengan jumlah buruh yang ditawarkan pada suatu tingkat kadar upah tertentu
- tiada lebihan permintaan buruh dan tiada lebihan penawaran buruh
- tiada masalah kekurangan buruh dan tiada masalah pengangguran terjadi
- kadar upah akan kekal/stabil

Kadar Upah Sehari(RM)	Kuantiti Diminta	Kuantiti Ditawar	Keadaan Pasaran	Kesan Terhadap Kadar Upah
100	10	50	Lebihan penawaran	Turun
80	20	40	Lebihan penawaran	Turun
60	30	30	Keseimbangan	Tetap
40	40	20	Lebihan permintaan	Naik
20	50	10	Lebihan permintaan	Naik



Ketidakseimbangan Pasaran Buruh

- berlaku dalam keadaan :
 - ◆ lebihan penawaran buruh
 - kuantiti penawaran buruh melebihi kuantiti permintaan buruh
 - maka kadar upah akan cenderung turun
 - ◆ lebihan permintaan buruh
 - kuantiti permintaan buruh melebihi kuantiti penawaran buruh
 - maka kadar upah akan cenderung naik

Pasaran Modal

- pasaran yang menjalankan kegiatan urus niaga modal kewangan
- harga yang dibayar untuk modal kewangan ialah kadar faedah

Permintaan Modal	Penawaran Modal
Individu, pelabur-pelabur, dan firma-firma	institusi kewangan spt bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar, dan syarikat insurans
<ul style="list-style-type: none"> ◆ Kadar faedah ↑, DD modal ↓ ◆ Kadar faedah ↓, DD modal ↑ ◆ Hubungan yang songsang/negatif 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Kadar faedah ↑, SS modal ↑ ◆ Kadar faedah ↓, SS modal ↓ ◆ Hubungan yang langsung/positif
Keluk DD modal berbentuk cerun ke bawah dari kiri ke kanan	Keluk SS modal berbentuk cerun ke atas dari kiri ke kanan

- keseimbangan pasaran modal berlaku apabila SS sama dan DD dalam pasaran modal
- jika berlaku lebih SS, kadar faedah akan cenderung turun
- jika berlaku lebih DD, kadar faedah akan cenderung naik

Pasaran Tanah

- pasaran yang menjalankan kegiatan urus niaga faktor tanah
- pemilik tanah akan mendapat sewa, penyewa akan gabungkan faktor-faktor pengeluaran untuk keluarkan b+p

Permintaan Tanah	Penawaran Tanah
Individu, pelabur-pelabur, dan firma-firma	Ditawarkan oleh pemilik tanah
<ul style="list-style-type: none"> ◆ Sewa ↑, DD tanah ↓ ◆ Sewa ↓, DD tanah ↑ ◆ Hubungan yang songsang/negatif ◆ Sewa dipengaruhi oleh : <ul style="list-style-type: none"> - lokasi tanah - produktiviti pengeluaran tanah - penggunaan tanah 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ SS tanah tetap ◆ ia anugerah Allah ◆ keluasannya tidak dapat diubah dengan mudah

- keseimbangan pasaran tanah berlaku apabila SS pasaran tanah sama dengan DD pasaran tanah
- jika berlaku lebih penawaran kadar sewa akan cenderung turun
- jika berlaku lebih permintaan kadar sewa akan cenderung naik

5.4 Aliran Pusingan Pendapatan Ekonomi Dua Sektor

Maksud Aliran Pusingan Pendapatan Ekonomi Dua Sektor

- aliran pendapatan faktor daripada sektor firma kepada sektor isi rumah dan aliran perbelanjaan penggunaan daripada sektor isi rumah kepada sektor firma
- ia juga menunjukkan pengaliran wang dan barang antara sektor isi rumah dan sektor firma melalui pasaran faktor dan pasaran barangan

Peranan sektor isi rumah

- (a) Tawarkan faktor pengeluaran iaitu buruh, tanah modal dan usahawan dalam pasaran faktor
- (b) Terima pendapatan faktor dalam bentuk upah, sewa, faedah dan untung
- (c) Meminta b+p dalam pasaran barangan

Peranan sektor firma

- (a) Minta faktor pengeluaran dalam pasaran faktor
- (b) Bayar pendapatan faktor kepada sektor isi rumah
- (c) Tawar b+p dalam pasaran barangan

Ciri-ciri Pasaran Faktor

- (i) Sektor isi rumah tawarkan faktor pengeluaran
- (ii) Sektor firma meminta faktor pengeluaran
- (iii) Mekanisme harga tentukan harga dan kuantiti keseimbangan pasaran faktor
- (iv) Melalui pasaran faktor :
 - aliran faktor pengeluaran daripada isi rumah kepada sektor firma
 - aliran pendapatan faktor daripada sektor firma kepada sektor isi rumah

Ciri-ciri Pasaran Barang


- (i) Sektor firma menawarkan b+p
- (ii) Sektor isi rumah meminta b+p
- (iii) Mekanisme harga tentukan harga dan kuantiti keseimbangan pasaran barangan
- (iv) Melalui pasaran barangan :
 - aliran perbelanjaan daripada sektor isi rumah kepada sektor firma
 - aliran b+p daripada sektor firma kepada sektor isi rumah

Aliran fizikal

- terdiri daripada dua aliran iaitu :
 - ◆ aliran faktor-faktor pengeluaran daripada sektor isi rumah kepada sektor firma
 - ia berlaku dalam pasaran faktor
 - ◆ aliran b+p daripada sektor firma kepada sektor isi rumah
 - ia berlaku dalam pasaran barangan

Aliran wang

- terdiri daripada dua aliran iaitu :
 - ☉ aliran pendapatan faktor daripada sektor firma kepada sektor isi rumah
 - ia berlaku melalui pasaran faktor
 - ☉ aliran perbelanjaan pengguna daripada sektor isi rumah kepada sektor firma
 - ia berlaku melalui pasaran barangan



Rajah Aliran Pusingan Pendapatan Ekonomi Dua Sektor

Pergantungan antara Sektor Isi Rumah dan Sektor Firma

Pergantungan sektor isi rumah kepada sektor firma :-

- ❖ sektor firma bekalkan b+p untuk kehidupan harian
- ❖ sektor firma membayar ganjaran faktor

Pergantungan sektor firma kepada sektor isi rumah :-

- ❖ sektor isi rumah membekalkan faktor-faktor pengeluaran
- ❖ sektor isi rumah membayar harga b+p

Kesan-kesan kekurangan DD dalam pasaran barangan :

- (a) Lebihan SS sektor firma
- (b) Stok keluaran bertambah
- (c) Penurunan DD dalam pasaran faktor
- (d) Pengangguran sektor isi rumah meningkat

Kesan-kesan kekurangan SS dalam pasaran barangan :

- (a) Lebihan DD sektor isi rumah berlaku
- (b) Sektor isi rumah tidak dapat membeli barangan yang cukup
- (c) Kehendak masyarakat tidak dipenuhi

- Kesimpulannya terdapat empat aliran pusingan pendapatan yang menunjukkan bahawa sektor isi rumah dan sektor firma saling bergantung iaitu :
- ⊙ aliran faktor pengeluaran daripada sektor isi rumah kepada sektor firma
 - ⊙ aliran pendapatan faktor daripada sektor firma kepada sektor isi rumah
 - ⊙ aliran b+p daripada sektor firma kepada sektor isi rumah
 - ⊙ aliran perbelanjaan penggunaan daripada sektor isi rumah kepada sektor firma

Perbezaan Antara Aliran Fizikal dan Aliran Wang

Aliran fizikal	Aliran wang
Ialah aliran faktor pengeluaran dan aliran barang	Aliran pendapatan faktor dan aliran perbelanjaan isi rumah
Bermula dari isi rumah ke firma dan seterusnya dari firma ke isi rumah	Bermula dari firma ke isi rumah dan seterusnya dari isi rumah ke firma
Mengandungi faktor-faktor pengeluaran(buruh, tanah, modal dan usahawan) serta barang dan perkhidmatan	Mengandungi ganjaran faktor(upah, sewa, faedah dan untung) serta perbelanjaan isi rumah
Isi rumah membekalkan faktor-faktor pengeluaran kepada firma	Firma memberi ganjaran faktor kepada isi rumah
Firma mengeluarkan barang dan perkhidmatan kepada isi rumah	Isi rumah gunakan ganjaran faktor untuk membeli barang dan perkhidmatan daripada firma

Perbezaan Antara Pasaran Barang dan Pasaran Faktor

Pasaran Barang	Pasaran Faktor
Firma menawarkan barang dan perkhidmatan	Isi rumah membekalkan faktor-faktor pengeluaran/BTMU
Isi rumah membuat perbelanjaan penggunaan	Firma membayar pendapatan faktor/USFU
Urus niaga barang dan perkhidmatan/penentuan harga barang	Urus niaga faktor-faktor pengeluaran/penentuan harga faktor